

Ketegasan kerajaan tangani isu bekas warganegara dipuji

Ketegasan kerajaan untuk tidak memberikan taraf kewarganegaraan secara automatik kepada 673 bekas rakyat negara ini yang melepaskan kewarganegaraan mereka bagi memegang pasport British Overseas Citizens (BOC) melegakan semua pihak.

Malah Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, juga menegaskan beliau tidak pernah mengeluarkan sebarang surat untuk memberi kerakyatan kepada pemegang pasport BOC.

Polemik pemberian taraf kewarganegaraan ini tercetus apabila ada pihak yang mendakwa kerajaan kononnya meluluskan permohonan 1,000 warganegara yang sudah melepaskan kewarganegaraan Malaysia khususnya yang tinggal di United Kingdom (UK).

Mengikut Zahid, berdasarkan statistik pada 2005 hingga tahun lalu, jumlah mereka yang melepaskan kewarganegaraan Malaysia kerana mahu memperoleh taraf kewarganegaraan Britain adalah seramai 673 orang.

Dalam hal ini, semua pihak perlu sedar bahawa peraturan sedia ada sudah cukup jelas dan tidak perlu dipertikaikan lagi.

Hanya diberi Pas Residen

Mengikut Peraturan 16A, Peraturan-Peraturan Imigresen 1963, pemegang pasport BOC hanya diberi Pas Residen sebagai kebenaran untuk tinggal di negara ini mengikut tempoh yang dibenarkan. Dilaporkan setakat ini, hanya tiga orang pemegang pasport BOC terbabit memohon dan diberikan Pas Residen.

Namun kemudahan Pas Residen tidak memberikan sebarang taraf kepada pemegang pasport BOC. Tambahan pula pemilik pasport BOC yang ingin mendapatkan kembali taraf kewarganegaraan perlu melalui proses yang ketat, sama seperti warga asing yang lain iaitu mengemukakan permohonan permit masuk, seterusnya permohonan Pemastautin Tetap dan taraf kewarganegaraan.

Bekas warganegara juga memerlukan sekurang-kurangnya 17 tahun untuk mendapatkan semula taraf kewarganegaraan, di samping perlu mematuhi syarat permohonan termasuk lulus ujian kemahiran Bahasa Melayu.

Ini membuktikan bahawa proses pemberian mahupun penganugerahan status kewarganegaraan tidak semudah yang disangkakan sebelum ini.

Jelas tidak mudah untuk kita memberikan semula taraf kewarganegaraan, sama ada kepada warga asing, mahupun kepada bekas warganegara kita sendiri.

Hal ini penting kerana soal kewarganegaraan tidak boleh dipandang remeh dan mudah.

Ia membabitkan soal imej, maruah dan keselamatan negara. Lebih penting lagi, ia membabitkan soal taat setia terhadap sesebuah negara. Dalam konteks ini mana mungkin kita boleh memberikan semula taraf kewarganegaraan kepada bekas warganegara kita yang satu ketika dulu sudah tidak mahu menjadi rakyat negara ini walau atas apa juga alasan sekalipun.

Tiada taat setia

Lebih mengecewakan apabila ada dalam kalangan mereka yang mengoyakkan pasport Malaysia ketika berada di luar negara kerana bencikan negara ini dan nekad untuk tidak mahu pulang, serta ada juga yang menikam negara ini dari belakang dan tidak ada taat setia kepada negara. Mana mungkin kita memaafkan mahupun menerima mereka kembali.

Soal taat setia tidak boleh dijual beli. Ia juga tidak boleh ditukar sesuka hati umpama menukar baju. Maka dalam hal ini, kita berharap agar kerajaan bertegas supaya tidak memberikan taraf kewarganegaraan dengan mudah kepada mana-mana individu atas apa juga justifikasi mahupun desakan mana-mana pihak sekalipun.

Negara ini tidak memerlukan individu yang tiada taat setia kepada ibu pertiwi. Andai mereka sanggup buat seperti ini maka apa jaminan perkara yang sama tidak akan berulang apabila disogok pelbagai peluang dan kemewahan dari negara luar?

Apakah kita mahu bergantung harap dan meletakkan nasib negara ke atas bahu petualang sebegini? Tatkala orang luar begitu ramai mahu menjadi rakyat bumi bertuah ini, tiada sebab untuk kita melayan kerenah individu yang tidak mengenang budi itu.

Sebagai peringatan kepada diri sendiri dan juga kepada seluruh rakyat negara ini, jangan sekali-kali kita menggadaikan status kewarganegaraan bumi bertuah ini. Nilainya tiada galang ganti dan tidak mungkin akan kita peroleh kembali walaupun dengan air mata darah sekalipun.

Kita lahir dan membesar di sini. Mengecapi segala kenikmatan yang tidak ada di negara lain, maka biarlah perjalanan kita juga berakhir dan bersemadi di bumi yang bertuah ini.



Penulis

ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia